

**REVOLUSI PENDIDIKAN ISLAM ABAD KE-21: EKSPLORASI TAHAP
AMALAN KREATIVITI DALAM PENGAJARAN
SIRAH DAN TAMADUN ISLAM
*ISLAMIC EDUCATION REVOLUTION IN THE 21ST CENTURY: EXPLORING
THE LEVEL OF CREATIVITY PRACTICES IN TEACHING SIRAH AND
ISLAMIC CIVILIZATION***

JAHIDIH SAILI^{1*} & MUHAMAD SUHAIMI TAAT²

¹Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu

²Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

jahidihsaili@uitm.edu.my

Received Date: 6 February 2024

Accepted Date: 10 May 2024

Published Date: 7 June 2024

ABSTRAK

Revolusi pendidikan Islam abad ke-21 memerlukan integrasi kreativiti dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam agar kekal relevan dalam menarik minat generasi pelajar digital kini. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap amalan kreativiti dalam pengajaran Pendidikan Islam, khususnya bidang Sirah dan Tamadun Islam. Melalui pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan, kajian ini melibatkan penyertaan 266 guru Pendidikan Islam dari sekolah menengah harian di negeri Sabah. Data dikumpulkan menggunakan borang soal selidik berdasarkan skala Likert lima mata dan dianalisis melalui kaedah deskriptif dan inferensi menggunakan *IBM Statistical Package for Social Sciences* versi 26. Hasil kajian menunjukkan tahap amalan kreativiti pengajaran yang tinggi dalam semua komponen yang dinilai, termasuk perancangan pengajaran kreatif, strategi dan kaedah pengajaran kreatif, penyampaian pengajaran kreatif, dan penilaian komprehensif. Dapatan kajian juga menunjukkan dedikasi guru dalam mengintegrasikan amalan kreativiti pengajaran tanpa perbezaan yang signifikan berdasarkan pengalaman mengajar. Berdasarkan hasil kajian, disarankan penambahbaikan infrastruktur teknologi, latihan, dan sokongan dari pihak pengurusan untuk meningkatkan lagi amalan kreativiti pengajaran. Ini memberi gambaran positif tentang usaha meningkatkan kualiti pendidikan Islam melalui pendekatan kreatif, membuka jalan bagi penambahbaikan kurikulum dan metodologi pengajaran yang dapat memenuhi keperluan generasi digital masa kini.

Kata Kunci: Pendidikan Islam; Kreativiti Pengajaran; Sirah dan Tamadun Islam; Generasi Digital

ABSTRACT

The Islamic education revolution in the 21st century requires the integration of creativity in the teaching of Sirah and Islamic Civilization to remain relevant in attracting the interest of today's digital generation of students. This study aims to examine the level of creativity practice in Islamic education teaching, specifically in the field of Sirah and Islamic Civilization. Through a quantitative approach with a survey design, this study involved the participation of 266 Islamic education teachers from daily secondary schools in Sabah. Data were collected using a questionnaire based on a five-point Likert scale and analyzed using descriptive and inferential methods using IBM Statistical Package for Social Sciences version 26. The results showed a high level of creative teaching practice in all components evaluated, including creative teaching planning, strategies and methods of creative teaching, creative teaching delivery, and comprehensive assessment. The findings also showed the dedication of teachers in integrating creative teaching practices without significant differences based on teaching experience. Based on the results, it is suggested that improvements in technology infrastructure, training, and support from management are needed to further enhance creative teaching practices. This gives a positive picture of the efforts to improve the quality of Islamic education through a creative approach, paving the way for curriculum and teaching methodology improvements that can meet the needs of the current digital generation.

Keywords: Islamic Education; Teaching Creativity; Sirah and Islamic Civilization; Digital Generation

Pengenalan

Pendidikan Islam masa kini berdepan cabaran untuk kekal relevan dan memberi makna kepada pelajar, memandangkan kehidupan semakin dicorakkan oleh kemajuan teknologi yang pesat (Rozita et al., 2021). Ledakan kemajuan teknologi telah mengubah kaedah pembelajaran, pemikiran dan interaksi generasi baharu. Walau bagaimanapun, kurikulum serta pedagogi pendidikan Islam masih belum mengikuti arus perubahan dalam aspek ini (Muhammad Nazmi et al., 2021). Oleh yang demikian, pengintegrasian amalan kreativiti dalam pengajaran pendidikan Islam amat diperlukan, terutamanya dalam bidang Sirah dan Tamadun Islam. Tujuannya adalah agar pendidikan Islam kekal relevan, mencabar minda pelajar dan membina pengalaman bermakna dalam kalangan mereka (Nur Adibah & Hafizhah, 2020). Sorotan literatur menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran secara konvensional yang terlalu berpusatkan guru serta banjir fakta menyebabkan pelajar kurang berminat untuk mempelajari Sirah dan Tamadun Islam (Mohd Fuad et al., 2014; Mohd Hakim & Aderi, 2016). Oleh itu, amalan kreativiti dalam pengajaran amat diperlukan. Ia perlu diaplikasikan dalam perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, pemilihan kaedah penyampaian serta penggunaan teknologi interaktif bagi meningkatkan penglibatan pelajar dan mengaitkan pembelajaran dengan pengalaman mereka (Zulina et al., 2019). Gabungan amalan kreativiti pengajaran yang sesuai dijangka dapat meningkatkan kualiti pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Ia selaras dengan keperluan pembelajaran pelajar era digital masa kini.

Terdapat jurang dalam sorotan literatur berkaitan pengukuran tahap sebenar amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam secara kuantitatif (Nur Adibah & Hafizhah, 2020). Kajian lepas kebanyakannya bersifat kualitatif dengan saiz sampel terhad; ia hanya memberi tumpuan kepada pandangan guru dan pelajar tentang kreativiti pengajaran (Zulina et al., 2019; Nurul Nadirah & Muhamed Yusoff, 2018). Kajian berskala

besar menggunakan pendekatan kuantitatif yang menyeluruh untuk menilai tahap implementasi amalan kreativiti dalam kalangan guru masih kurang dijalankan. Malah, instrumen khusus seperti soal selidik yang sah untuk mengukur pemboleh ubah berkaitan amalan kreativiti dalam pengajaran Pendidikan Islam juga masih terhad. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk kajian tinjauan berskala besar dengan sampel yang lebih besar bagi menilai amalan kreativiti semasa guru serta mengenal pasti faktor yang mempengaruhinya (Mohd Amirul & Hafizhah, 2022). Hasil kajian ini dijangka dapat memberi data empirikal yang lebih kukuh tentang integrasi amalan kreativiti dalam pengajaran Pendidikan Islam, khususnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam.

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengukur tahap amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sirah dan Tamadun Islam secara kuantitatif. Kajian tinjauan ini dijangka dapat menghasilkan data kuantitatif yang komprehensif tentang amalan kreativiti pengajaran semasa guru (Mohd Amirul & Hafizhah, 2022). Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak berwajib dalam memperkemas dasar dan kurikulum pendidikan Islam di Malaysia. Ia bertujuan untuk menambah baik aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dalam bidang Sirah dan Tamadun Islam. Secara keseluruhannya, objektif utama kajian ini adalah untuk memperoleh pemahaman empirikal mengenai tahap sebenar amalan kreativiti dalam kalangan guru Pendidikan Islam, khususnya dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Selain itu, kajian ini turut mencadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan amalan kreativiti pada masa hadapan berdasarkan dapatan yang diperoleh.

Tinjauan Literatur

Kreativiti pengajaran merupakan kemahiran penting yang diperlukan dalam pendidikan abad ke-21 bagi melahirkan generasi yang berdaya saing dan relevan dalam dunia yang semakin dinamik (Rohizani & Faridah, 2017). Pengintegrasian kreativiti bukan sahaja dapat meningkatkan penglibatan, motivasi dan kefahaman pelajar (Amabile, 1983), malah turut membina keupayaan berfikir secara kritis, menyelesaikan masalah serta menyesuaikan diri dengan sebarang bentuk perubahan (Noor Muslieah et al., 2022). Hasil kajian empirikal terdahulu menunjukkan wujudnya hubungan positif yang signifikan antara amalan kreativiti pengajaran guru dengan pencapaian dan perkembangan sendiri pelajar (Yu & Patterson, 2010; Trivedi & Bhargava, 2010). Walau bagaimanapun, amalan kreativiti kurang diberi penekanan dalam pendidikan Islam. Oleh yang demikian, pengajaran pendidikan Islam masih kekal bersifat konvensional dan gagal menarik minat serta menyediakan pelajar menghadapi cabaran pembelajaran pada era digital masa kini (Muhammad Nazmi et al., 2021). Justeru, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap dan menilai keberkesanan integrasi amalan kreativiti dalam pengajaran bidang Sirah dan Tamadun Islam.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa prinsip asas dalam Islam seperti menuntut ilmu secara kritis, berfikir terbuka dan mencintai kebenaran adalah selari dengan keperluan amalan kreativiti dalam pendidikan (Noor Muslieah et al., 2022). Namun, amalan pengajaran pendidikan Islam masih kekal bersifat konvensional dengan memberi penekanan berlebihan terhadap hafalan dan kaedah pengajaran berpusatkan guru (Muhammad Fuad & Hafizhah, 2022). Dalam konteks PdP Sirah dan Tamadun Islam, kaedah pasif ini menyukarkan pelajar untuk memahami fakta yang disampaikan seterusnya menjadikan bidang ini kurang diminati (Fathi & Khadijah, 2021). Walaupun terdapat beberapa kajian kes yang menunjukkan keberkesanan inovasi pedagogi seperti penggunaan animasi *Augmented Reality* dan gamifikasi dalam meningkatkan minat dan penguasaan pelajar (Amirul & Khadijah, 2022; Zulina et al., 2019), namun kajian tinjauan

secara kuantitatif tentang tahap amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru masih terhad. Oleh yang demikian, kajian ini dijangka dapat menyumbang data empirikal tentang amalan kreativiti dalam pengajaran pendidikan Islam, khususnya dalam konteks PdP Sirah dan Tamadun Islam.

Pengintegrasian teknologi dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam berpotensi meningkatkan amalan kreativiti guru, sekali gus memberi kesan positif terhadap penglibatan dan minat pelajar (Muhammad Nazmi et al., 2021). Sebagai contoh, kajian oleh Amirah Syafiqah dan Khadijah (2022) mendapati penggunaan teknologi meningkatkan keberkesanan PdP Sirah dan Tamadun Islam dengan maklum balas positif daripada pelajar. Selain menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan, teknologi seperti animasi, permainan simulasi dan platform pembelajaran interaktif juga memudahkan penyampaian kisah dan tempat bersejarah yang sukar dibayangkan hanya melalui teks kepada pelajar dengan lebih menarik (Zulina et al., 2019). Dapatan kajian oleh Siti Fatimah et al. (2022) juga menunjukkan kejayaan aplikasi mudah alih PdP Sirah dan Tamadun Islam yang dibangunkan menggunakan model ADDIE dalam memenuhi keperluan pengguna dan mencapai skor kebolegunaan yang baik. Walaupun begitu, pengintegrasian teknologi dalam pengajaran bidang ini masih kurang diterokai. Oleh itu, kajian ini turut bertujuan untuk mengukur keberkesanannya dalam konteks guru dan pelajar di Malaysia.

Walaupun pengaplikasian amalan kreativiti pengajaran terbukti memberi manfaat, namun tahap pelaksanaannya dalam kalangan guru Pendidikan Islam masih kurang memuaskan. Ini disebabkan oleh kekangan seperti ketiadaan infrastruktur dan teknologi yang mencukupi, kurangnya latihan profesional serta tekanan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran (Nurul Nadirah & Mohamed Yusoff, 2018). Tambahan pula, norma akademik yang memberi penekanan terhadap prestasi juga menyebabkan guru dan pelajar kurang berkeyakinan untuk mencuba kaedah pembelajaran baharu yang dianggap berisiko (Mohd Amirul & Hafizhah, 2022). Antara strategi yang boleh dilaksanakan untuk menggalakkan amalan kreativiti termasuklah menyediakan sumber pembelajaran yang mencukupi, memberi pendedahan kepada contoh amalan pengajaran terbaik dan memberi sokongan agar guru lebih berinovasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Rohizani & Faridah, 2017). Selain mampu menarik minat dan penglibatan pelajar, amalan kreativiti pengajaran turut membantu membina kemahiran abad ke-21 yang amat diperlukan pada masa kini dan hadapan seperti kemahiran berfikir secara kritis, kebolehan menyelesaikan masalah, kreativiti dan kemahiran teknologi (Noor Muslieah et al., 2022). Oleh yang demikian, terdapat peluang yang luas untuk meningkatkan kualiti pengalaman pembelajaran dan kejayaan pelajar menerusi integrasi amalan kreatif dalam kurikulum Pendidikan Islam.

Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dilaksanakan untuk menilai tahap amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam. Secara khususnya, objektif, soalan kajian dan hipotesis kajian adalah seperti berikut:

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam.
- ii. Meneroka perbezaan tahap amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam berdasarkan aspek pengalaman mengajar.

Soalan Kajian


- i. Apakah tahap amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam?
- ii. Bagaimanakah perbezaan tahap amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam berdasarkan aspek pengalaman mengajar?

Hipotesis Kajian

- H₀₁** Tidak terdapat perbezaan tahap amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam berdasarkan aspek pengalaman mengajar.

Kerangka Konseptual Kajian

Model amalan kreativiti pengajaran yang diperkenalkan oleh Alali (2020) seperti dalam Rajah 1 di bawah berfungsi sebagai kerangka untuk menilai amalan kreativiti dalam pengajaran, memberikan struktur yang jelas dalam menilai keberkesanan pengajaran kreatif. Terdapat empat komponen utama dalam model ini iaitu, perancangan pengajaran kreatif, strategi dan kaedah pengajaran kreatif, penyampaian pengajaran kreatif, dan penilaian komprehensif, yang merupakan aspek penting dalam pengembangan amalan kreativiti pengajaran (Effindi, 2018). Analisis terhadap model ini menunjukkan bahawa integrasi komponen-komponen tersebut dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran, terutama dalam memupuk minat dan pemahaman pelajar terhadap mata pelajaran yang diajar (Yahaya, 2011). Pemilihan model ini sebagai kerangka teoretikal adalah tepat, kerana ia membolehkan penyelidikan mendalam tentang aspek-aspek kritikal dalam pengajaran kreatif. Oleh itu, penggunaan model amalan kreativiti pengajaran oleh Alali (2020) dalam kajian ini meningkatkan pemahaman tentang cara meningkatkan keberkesanan pengajaran dalam Pendidikan Islam melalui pendekatan kreatif.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Amalan Kreativiti Pengajaran diadaptasi daripada Romel Mahmoud Alali (2020)

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan kerana dapat mengumpul data daripada responden yang ramai dan tersebar luas (Creswell & Creswell, 2018). Seramai 266 orang guru Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Sabah dipilih menggunakan prosedur pensampelan pelbagai peringkat (*multi-stage sampling procedure*) iaitu kaedah pensampelan rawak berstrata bagi fasa satu, pensampelan kelompok bagi fasa dua dan tiga dan kaedah pensampelan rawak mudah bagi fasa empat. Instrumen kajian dibina dalam bentuk soal selidik 5 skala Likert dan disahkan oleh 10 orang pakar dari segi kesahan muka dan kandungan (Azizi et al., 2018). Data dikumpul secara dalam talian dan bersemuka dengan menghubungi responden

terlebih dahulu. Seterusnya, data dianalisis menggunakan *IBM Statistical Package for Social Sciences* versi 26 secara deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai serta inferensi menggunakan ANOVA. Interpretasi min tingkah laku afektif oleh Nunally (1978) digunakan dalam kajian ini seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi Min Tingkah laku Afektif Nunally

Skor Min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi (T)
3.01-4.00	Sederhana Tinggi (ST)
2.01-3.00	Sederhana Rendah (SR)
1.01-2.00	Rendah (R)

Sumber: Nunnally (1978).

Dapatan Kajian

Dapatan kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi.

Analisis Deskriptif

Jadual 2 menunjukkan tahap amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sirah dan Tamadun Islam. Ia merangkumi empat komponen utama: perancangan pengajaran kreatif, strategi dan kaedah pengajaran kreatif, penyampaian pengajaran kreatif, dan penilaian pembelajaran secara menyeluruh.

Setiap komponen dinilai berdasarkan skala purata (Min) dan sisihan piawai. Kesemua komponen menunjukkan purata melebihi 4.35 yang menggambarkan tahap amalan kreativiti pengajaran guru berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan komitmen dan kejayaan guru dalam mengintegrasikan setiap elemen kreativiti ke dalam proses PdP. Manakala, sisihan piawai bagi setiap komponen pula berada pada julat antara 0.48 hingga 0.55. Ini menunjukkan wujud variasi amalan kreativiti pengajaran yang rendah dalam kalangan guru. Ia sekali gus menggambarkan konsistensi yang tinggi dalam pelaksanaan amalan kreativiti pengajaran mereka.


Dapatan kajian menunjukkan aspek perancangan pengajaran kreatif mencatatkan nilai min 4.39 dan sisihan piawai 0.48. Ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam memberi penekanan dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan memasukkan elemen kreativiti. Langkah ini amat penting bagi memastikan keberkesanan proses PdP yang dijalankan. Seterusnya, aspek strategi dan kaedah pengajaran kreatif pula mencatat nilai min 4.40 dan sisihan piawai 0.51. Ini menekankan penggunaan pendekatan pensyarah yang inovatif dan kreatif dalam PdP sekali gus membolehkan penglibatan pelajar yang lebih berkesan. Manakala bagi aspek penyampaian pengajaran kreatif dan penilaian secara menyeluruh, kedua-duanya mencatatkan nilai min masing-masing pada 4.35 dan 4.37 dengan sisihan piawai 0.55. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua aspek tersebut turut diberi penekanan yang sama rata dalam membentuk amalan kreativiti pengajaran guru secara holistik. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam berjaya mengaplikasikan kreativiti pengajaran dalam semua pemboleh ubah kajian yang penting demi menarik minat pelajar selain memenuhi keperluan pembelajaran pada era pendidikan moden.

Jadual 2: Tahap Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam

Komponen Amalan Kreativiti Pengajaran	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Perancangan Pengajaran Kreatif	4.39	0.48	Tinggi
Strategi dan Kaedah Pengajaran Kreatif	4.40	0.51	Tinggi
Penyampaian Pengajaran Kreatif	4.35	0.55	Tinggi
Penilaian Komprehensif	4.37	0.55	Tinggi
Tahap Amalan Kreativiti Pengajaran	4.38	0.52	Tinggi

Analisis Inferensi

Boxplot digunakan dalam analisis ANOVA untuk memberikan visual grafik yang jelas tentang perbezaan antara kumpulan data (Krzywinski & Altman, 2014). Ia memudahkan untuk melihat variasi dalam data dan mengenal pasti pencilan, yang membantu dalam membuat keputusan statistik yang tepat (McGill, Tukey, & Larsen, 1978). Rajah 1 merupakan kotak boxplot yang memaparkan taburan skor pengetahuan teknologi dalam kalangan guru Pendidikan Islam dan pengalaman mengajar. Pada paksi mendatar, terdapat tiga kategori pengalaman mengajar: 1-3 tahun, 3-10 tahun, dan lebih daripada 10 tahun. Paksi menegak menunjukkan skor pengetahuan teknologi, yang dinilai pada skala 1 hingga 5. Dapat diperhatikan bahawa median skor pengetahuan teknologi bagi ketiga-tiga kumpulan pengalaman mengajar adalah lebih kurang sama. Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan ketara dalam skor penguasaan teknologi antara guru-guru dengan pengalaman mengajar yang berbeza. Kotak pada kotak plot mewakili julat interkuartil (IQR), yang menunjukkan taburan tengah 50% data. IQR bagi ketiga-tiga kumpulan adalah sempit dan serupa, menandakan bahawa taburan skor pengetahuan teknologi dalam setiap kumpulan adalah konsisten. Tiada pencilan diperhatikan dalam kotak plot ini, yang ditunjukkan dengan tiada titik yang jauh dari misai atau kotak. Misai, atau garisan yang menghubungkan kotak kepada nilai tertinggi dan terendah dalam data, juga tidak menunjukkan variasi yang melampau, menandakan bahawa kebanyakan skor berada dalam julat yang agak sempit.



Rajah 2: Boxplot Pengalaman Mengajar dan Pengetahuan Teknologi Guru Pendidikan Islam

Jadual 3 merupakan analisis ANOVA mengenai perbezaan skor min amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam berdasarkan aspek pengalaman mengajar. Hipotesis nol ialah tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Pemboleh ubah bersandar ialah skor min amalan kreativiti pengajaran manakala pemboleh ubah tidak bersandar ialah kumpulan pengalaman mengajar.

Statistik ujian F ialah .242 dengan nilai p .785 yang melebihi .05; ini menunjukkan hipotesis nol gagal ditolak. Maka, kesimpulannya tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam antara kumpulan berlainan pengalaman mengajar. Perbezaan skor min antara kumpulan adalah kecil, iaitu .003. Ini menunjukkan amalan kreativiti pengajaran guru tidak dipengaruhi oleh pengalaman mengajar.

Jadual 3: Analisis ANOVA Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam Berdasarkan Pengalaman Mengajar

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	.006	2	.003	.242	.785
Within Groups	3.086	263	.012		
Total	3.092	265			

Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam bagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sirah dan Tamadun Islam berada pada tahap yang tinggi. Ini selari dengan kajian oleh Mohammad Rusdi et al. (2021) yang mengesahkan wujudnya komitmen tinggi dalam kalangan guru untuk mengintegrasikan aspek kreativiti dalam pengajaran mereka. Konsistensi pelaksanaan amalan kreativiti ini juga menggambarkan kesediaan guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran yang memadai (Rogayah Mohd Zain & Mohd Aderi Che Noh, 2016). Dapatan ini bertentangan dengan kajian Nurul Nadirah & Mohamed Yusoff (2018) yang menyatakan amalan kreativiti sukar dilaksanakan disebabkan kekurangan kemahiran teknikal dan kurangnya latihan yang bersesuaian dalam kalangan guru. Selain itu, tiada perbezaan dalam aspek pengalaman mengajar guru menunjukkan faktor individu kurang mempengaruhi tahap amalan kreativiti. Ini berbeza dengan dapatan Muhammad Zulazizi Mohd Nawi et al. (2020) yang mendapati guru berpengalaman kurang 10 tahun lebih kerap mengaplikasikan teknologi. Kesimpulannya, kajian ini mengesahkan wujudnya amalan kreativiti pengajaran yang positif dalam kalangan guru Pendidikan Islam khususnya dalam konteks PdP Sirah dan Tamadun Islam.

Hasil kajian mengukuhkan hujah bahawa kelengkapan sumber dan infrastruktur teknologi seperti komputer dan *LCD projector* (Mulyati Timbang & Abdul Said Ambotang, 2020) merupakan faktor utama yang membolehkan guru melaksanakan amalan kreativiti dalam pengajaran. Ini selari dengan dapatan kajian Nurhanani Husin & Abdul Halim Tamuri (2017) yang menegaskan bahawa guru perlu berusaha untuk memiliki kelengkapan sendiri sekiranya pihak sekolah tidak menyediakan kemudahan yang mencukupi. Tanpa sokongan infrastruktur dan peruntukan secukupnya, sukar bagi guru untuk melaksanakan amalan kreativiti dalam bilik darjah (Nurul Nadirah & Mohamed Yusoff, 2018). Selain itu, pendedahan kepada contoh amalan pengajaran terbaik dan peluang menyertai kursus profesionalisme didapati penting dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru (Rohizani & Faridah, 2017). Ini termasuk latihan dalam kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta teknik pengajaran inovatif yang membolehkan guru mengintegrasikan amalan kreativiti pengajaran dengan penuh keyakinan dan berkesan (Sarah Alia Mohamed Faizal & Nor Hafizah Adnan, 2021). Tanpa latihan yang mencukupi, adalah sukar untuk merealisasikan amalan kreativiti dalam PdP (Nurul Nadirah & Mohamed Yusoff, 2018), termasuk dalam bidang Sirah dan Tamadun Islam. Akhirnya, galakan dan sokongan pihak atasan seperti pentadbir sekolah dan kementerian pendidikan amat penting untuk menggalakkan amalan kreativiti dalam kalangan guru (Rohizani & Faridah, 2017). Ini termasuk pengiktirafan menerusi anugerah kreativiti pengajaran. Tanpa galakan yang jelas, kebanyakan guru enggan mengambil risiko untuk mencuba kaedah baharu (Mohd Amirul & Hafizhah, 2022).

Walaupun hasil kajian ini bersifat positif, namun beberapa langkah tambahan boleh diambil untuk meningkatkan lagi amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

Pertama, latihan yang berfokuskan kreativiti perlu dijalankan memandangkan majoriti guru masih kurang pendedahan terhadap strategi pengajaran yang kreatif dan inovatif (Rohizani & Faridah, 2017). Ini selari dengan saranan Yu & Patterson (2010) yang menekankan kepentingan pembangunan profesionalisme guru bagi memastikan mereka yakin dan cekap dalam mengintegrasikan teknologi terkini ke dalam PdP. Kedua, menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi memandangkan kekangan sumber kerap dinyatakan sebagai penghalang utama kepada pembentukan amalan kreativiti pengajaran (Nurul Nadirah & Mohamed Yusoff, 2018). Akhir sekali, galakan seperti anugerah inovasi boleh meningkatkan motivasi guru untuk meneroka amalan kreativiti pengajaran meskipun mempunyai cabaran tertentu (Mohd Amirul & Hafizhah, 2022). Gabungan langkah-langkah ini diharap dapat meningkatkan lagi amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam, khususnya dalam PdP Sejarah Sirah dan Tamadun Islam.

Terdapat beberapa cadangan untuk menambah baik kajian pada masa hadapan. Pertama, kajian campuran berbentuk kualitatif dan kuantitatif secara mendalam diperlukan bagi memahami pengalaman dan cabaran guru dalam mengaplikasikan amalan kreativiti dalam pengajaran. Ini memandangkan kajian lepas kebanyakannya bersifat kualitatif dengan bilangan responden yang terhad (Nurul Nadirah & Mohamed Yusoff, 2018). Kajian sebegini penting untuk meneroka strategi meningkatkan amalan kreativiti pengajaran guru Pendidikan Islam. Tambahan pula, kajian campuran dapat memberi gambaran yang lebih komprehensif tentang status semasa dan hala tuju seterusnya dalam meningkatkan kualiti pendidikan Islam menerusi amalan kreativiti pengajaran. Kedua, tumpuan boleh diberikan kepada lokasi atau bidang pelajaran Pendidikan Islam yang berbeza memandangkan tahap amalan kreativiti pengajaran guru berkemungkinan berbeza mengikut lokasi dan bidang pelajaran (Rogayah Mohd Zain & Mohd Aderi Che Noh, 2016). Contohnya, kajian mendalam tentang amalan kreativiti pengajaran Sirah dan Tamadun Islam di sekolah negeri tertentu dan bidang pelajaran dalam Pendidikan Islam yang lain seperti al-Quran, Hadis, Akidah, Fiqah, dan Akhlak Islamiah.

Kesimpulannya, kajian ini mengesahkan bahawa tahap amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam untuk bidang Sirah dan Tamadun Islam berada pada tahap yang tinggi. Faktor pengalaman mengajar tidak berpengaruh terhadap perbezaan tahap amalan kreativiti pengajaran guru sebaliknya persekitaran dan budaya sekolah dapat membentuk norma dan galakan untuk guru mengaplikasikan amalan kreativiti dalam pengajaran (Mohd Amirul & Hafizhah, 2022). Sokongan daripada pihak pengurusan dan rakan sejawat turut menggalakkan kesediaan guru untuk meneroka kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baharu. Selain itu, pendedahan yang berterusan kepada latihan dalam perkhidmatan juga dapat membantu meningkatkan keyakinan guru untuk mengamalkan kreativiti pengajaran berasaskan teknologi. Oleh yang demikian, penekanan harus diberikan kepada usaha mewujudkan persekitaran yang menyokong di sekolah, merangkumi kesediaan infrastruktur dan galakan berterusan. Ini bagi mengekalkan situasi positif sedia ada berkaitan amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tahap amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam adalah tinggi. Ia merangkumi semua komponen seperti perancangan pengajaran kreatif, strategi dan kaedah pengajaran kreatif, penyampaian pengajaran kreatif serta penilaian secara komprehensif. Ini menggambarkan komitmen dan kejayaan guru dalam mengintegrasikan amalan kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sirah dan Tamadun Islam. Seterusnya, tidak terdapat perbezaan signifikan dalam tahap amalan kreativiti pengajaran antara guru mengikut kumpulan pengalaman mengajar. Ini menunjukkan faktor individu seperti pengalaman mengajar tidak memberi kesan besar terhadap tahap amalan kreativiti. Sebaliknya, faktor persekitaran dan budaya sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk norma serta galakan agar guru mengaplikasikan pendekatan PdP yang lebih kreatif. Kajian tinjauan ini berjaya mengesahkan situasi yang positif dan menggalakkan berkaitan integrasi amalan kreativiti pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam, khususnya dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam. Walaupun begitu, beberapa langkah tambahan seperti latihan dan galakan berterusan diperlukan untuk mengekalkan tahap amalan kreativiti pada masa hadapan. Kajian kualitatif turut dicadangkan untuk mendapatkan pemahaman mendalam mengenai pengalaman dan cabaran sebenar guru.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau sektor tidak berasaskan keuntungan.

Rujukan

- Amabile, T. M. (1983). The social psychology of creativity: A componential conceptualization. *Journal of Personality and Social Psychology*, 45(2), 357–376. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.45.2.357>
- Amirah Syafiqah Anuar & Khadijah Abdul Razak. (2022). Penggunaan “Augmented Reality” di dalam pengajaran Sirah [Application of “Augmented Reality” in Teaching Sirah]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(2), 56-67.
- Azizi Yahya, Peter Voo, Ismail Maakip, & Mohd Dahlan. (2018). *Kaedah penyelidikan dalam pendidikan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage.
- Fathi Abdullah & Khadijah Abdul Razak. 2021. Tahap minat dan penerimaan pelajar terhadap gamifikasi dalam bidang Sirah. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5, 27–38.
- Krzywinski, M. & Altman, N. (2014). Visualizing samples with box plots. *Nature Methods*, 11, 119-120.
- McGill, R., Tukey, J. W., & Larsen, W. A. (1978). Variations of box plots. *The American Statistician*, 32(1), 12-16.
- Mohammad Rusdi Ab Majid, Aznida Aziz, Zawawi Ismail, Che Mohd Zaid Yusof, & Mohd Alauddin Othman. (2021). Model kreativiti pengajaran guru Bahasa Arab di Malaysia berdasarkan pengetahuan teknologi pedagogi kandungan (TPACK). *International Journal of Education and Training (InJET)*, 7(Isu Khas), 1–11.
- Mohd Amirul Bashah & Hafizhah Zulkifli. (2022). Isu dan cabaran guru Pendidikan Islam dalam penerapan pendidikan digital [Issues and challenges of Islamic Education teachers in the implementation of digital learning]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 43-55.
- Mohd Fuad Mohamed Berawi, Ruslin Amir, & Mohamed Amin Embi. (2014). *Kepelbagaian pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hakim Hashim & Mohd Aderi Che Noh. (2016). Penerapan visualisasi dalam pengajaran dan pembelajaran Sirah Nabawiyah. In *Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11* (15-16 November 2016) (hlm. 603–612). Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi, Selangor.
- Muhammad Fuad Ahmad Tajuddin, & Hafizhah Zulkifli. 2022. Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan isi kandungan (PIK) bidang jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 56–72.
- Muhammad Nazmi Mohd Jamil Aris & Fadzillah Abd Aziz. (2021). Mobile app: Pendidikan Islam SPM Sirrah dan Tamadun (Khulafa' Ar-Rasyidin). *Journal of Computing Technologies and Creative Content*, 6(1), 7-11

- Muhammad Zulazizi Mohd Naw, Azmil Hashim, & Norhisham Muhamad. (2020). integrasi penggunaan teknologi pelbagai media oleh guru Pendidikan Islam di Maahad Yayasan Islam Kelantan (The Integration of use of multimedia technology among Islamic Education teacher in the Kelantan Islamic Foundation Secondary School). *Journal of Social Sciences and Technical Education*, 1(1), 73–88.
- Muliyati Timbang & Abdul Said Ambotang. (2020). Pengaruh inovasi teknologi, peranan pentadbir dan kesediaan guru terhadap profesionalisme keguruan sekolah luar bandar di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 96-106.
- Noor Muslieah Mustafa Kamal, Zaharah Hussin, Abdul Muhsien Sulaiman. (2022). Elemen kolaborasi dalam pengajaran guru pendidikan Islam melalui pendekatan heutagogi [Elements of collaboration in the teaching of Islamic education teachers through a heutagogical approach]. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 372-386.
- Nunally & Bernstein. (1978). *Psychomatic theory*. United States.
- Nur Adibah Liyana Awi, & Hafizhah Zulkifli. (2020). Kaedah Fan-N-Pick dalam pembelajaran sirah Pendidikan Islam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 61–69.
- Nurhanani Husin, & Ab. Halim bin Tamuri. (2017). Faktor perkembangan pengetahuan kandungan pedagogi dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam. *The Online Journal Of Islamic Education*, 5(2), 20–28.
- Nurul Nadirah Ramli & Mohamed Yusoff Mohd Nor. (2018). *Pembelajaran Abad Ke-21*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rogayah Mohd Zain & Mohd Aderi Che Noh. 2016. Kesan globalisasi ke atas Pendidikan Islam kini. Dalam *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke 11 (WPI11)* (hlm. 35-42).
- Rohizani Yaakub & Faridah Yunus. (2017). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Romel Mahmoud Alali. (2020). Developing a scale for creative teaching practices of faculty members at King Faisal University. *Universal Journal of Educational Research*, 8(5), 2129-2142. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.080552>
- Rozita Ramli, Jamaludin Badusah & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2021). Analisis dokumen standard kurikulum pendidikan Islam KPM. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (1), 151-163.
- Sarah Alia Mohamed Faisal & Nor Hafizah Adnan. (2021). Tahap kesediaan dan penerimaan guru dalam mempraktikkan penggunaan teknologi digital RI 4.0 sebagai bahan bantu mengajar dalam pendidikan rendah. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(3), 66-80.
- Siti Fatimah Mohd Rum, Nurulhuda Basri & Azlin Dahlan. (2022). sirah learning mobile application for kafa primary school students: A preliminary study. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(46), 476-489.
- Trivedi, K. & Bhargava, R. (2010). Relation of creativity and education achievement in adolescence. *Journal of Psychology*, 1(2), 85-89.
- Yu, F., & Patterson, D. (2010). Examining adolescent academic achievement: A cross-cultural review. *The Family Journal: Counselling and Therapy for Couples and Families*, 18(3), 324–327.
- Zulina Ahmad Zawawi, Rahimah Ya'akub, Rabaishah Azirun. (2019). The design of KSR-i flow chart and its use in teaching and learning Sirah for special education students. Dalam *Proceedings of the 9th International Conference on Special Education in Southeast Asia Region* (hlm. 206-210). IPG Kampus Pendidikan Islam.